

Nama:

BAHASA MELAYU

Latihan A.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul bagi melengkapkan karangan pendek di bawah.

Cara-cara Menjaga Kesihatan Badan

berkhasiat dan seimbang

mendapatkan rawatan awal

bersenam

menjaga pemakanan

membuat pemeriksaan kesihatan

Badan yang sihat membolehkan kita menjalani kehidupan dengan lebih baik. Kita perlu _____ untuk memastikan diri kita sihat. Makanan yang diambil perlulah _____ dari segi nutrien yang diperlukan oleh tubuh. Selain itu, kita perlu selalu _____ sekurang - kurangnya tiga kali seminggu selama 30 minit setiap sesi. Kita juga perlu _____ enam bulan sekali. Oleh itu, doktor dapat mengesan simptom – simptom penyakit bagi membolehkan kita _____. Walaupun kita sibuk, aspek kesihatan perlu diberikan keutamaan.

Latihan B

Tulis perkataan yang sama maksud dengan perkataan di bawah.

uzur

penjagaan

gejala

zat

1. Nutrien - _____

2. Simptom - _____

3. Sakit - _____

4. Rawatan - _____